

28 AUG 2003

Merdeka-Perayaan

KEMUNCAK SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN BERMULA SABTU

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Sambutan ambang "Merdeka" untuk merayakan Hari Kebangsaan ke-46 di Dataran Merdeka Sabtu ini akan dimeriahkan dengan pelbagai program menarik bermula pukul 5 petang hingga menantikan detik 12 tengah malam.

Bahagian Komunikasi Pelancongan Malaysia dalam satu kenyataan hari ini berkata antara program yang akan mewarnai sambutan itu adalah beberapa cubaan luar biasa untuk dicatatkan dalam Malaysia Book of Records dan Guinness Book of World Records.

Usaha mencipta rekod itu dijadual bermula pada pukul 6.30 petang dengan percubaan gadis 18 tahun Jayabarathi Letchemanah menarik sebuah kereta TD2000 seberat 4.8 ton dengan rambutnya di Jalan Raja.

Jayabarathi, anak kepada Lelaki Gagah Malaysia R.Letchemanah, akan cuba mencipta rekod Malaysia Book of Records di bawah kategori Wanita Dengan Bebanan Terberat.

Sementara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) turut mencuba mencipta rekod dunia sebagai Bandaraya Terbesar Dinyalakan Lampu Pada Satu Masa. Sebanyak 100 bangunan akan dinyalakan serentak kira-kira pukul 7 malam sebagai merayakan kedatangan Hari Kebangsaan.

Menurut kenyatana itu, selama 40 minit bermula pukul 9 malam, acara diteruskan dengan persembahan gendang dan tarian tradisional di pentas utama.

Ia disusuli dengan acara hiburan artis-artis tempatan seperti Too Phat, Datuk Sharifah Aini, Fauziah Datuk Ahmad Daud dan Rem.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri masing-masing akan bersama-sama rakyat jelata untuk memeriahkan lagi suasana.

Orang ramai seterusnya akan dihiburkan dengan persembahan konsert harmonica oleh 460 penuntut sebagai penghargaan kepada Perdana Menteri.

Persembahan 20 minit ini akan dicatat ke dalam Malaysia Book of Records di bawah kategori Persembahan Harmonica Teramai Pada Satu Masa, menurut kenyataan itu.

Seramai 100 orang pencipta rekod seterusnya akan naik ke pentas utama untuk bertemu Perdana Menteri. Antaranya perenang Selat Inggeris Datuk Malik Mydin dan artis paling banyak menerima anugerah, Siti Nurhaliza Tarudin.

Dr Mahathir dan Abdullah kemudian akan mengetuai rakyat Malaysia mengira detik 12 malam dan melaungkan perkataan Merdeka.

Menurut kenyataan itu, kedua-dua pemimpin berkenaan akan bersama ribuan yang dijangka hadir menyanyikan lagu Negaraku, yang pertama kali diperdengarkan dengan irama baru.

Malam sambutan Hari Kebangsaan itu akan turut diserikan dengan pertunjukan bunga api sekitar pukul 12.15 pagi dari Padang Merbok.

-- BERNAMA

SAH AHH RON